



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PENGUMUMAN NAIK TARAF GELANGGANG
SERBA GUNA (*HARDCOURT*) LEBUH KAMPUNG
BENGGALI, BUTTERWORTH & SIDANG AKHBAR
DRAF RANCANGAN TEMPATAN (DRT) SEBERANG
PERAI 2030

OLEH

YANG BERHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL
SINGH

**AHLI MESYUARAT (EXCO) NEGERI PULAI PINANG
MERANGKAP
PENGERUSI PERUMAHAN, KERAJAAN TEMPATAN DAN
PERANCANGAN BANDAR & DESA**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**15 JUN 2023 (KHAMIS)
9.00 PAGI**

**BUTTERWORTH DIGITAL LIBRARY
LEBUH KAMPUNG BENGGALI, BUTTERWORTH**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap

Pengerusi Jawatankuasa, Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan
Perancangan Bandar & Desa

Yang Berhormat Tuan Satees A/L Muniandy

ADUN Bagan Dalam

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan Dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Para penduduk di sekitar Lebuh Kampung Benggali, Butterworth

Rakan-Rakan Media

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi ini di **Majlis Pengumuman Naik Taraf Gelanggang Serba Guna (*Hardcourt*) Lebuh Kampung Benggali, Butterworth dan Sidang Akhbar Draf Rancangan Tempatan (DRT) Seberang Perai 2030** di Butterworth Digital Library, Butterworth.
2. Izinkan saya untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa, Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa; Yang Berhormat Tuan Satees a/l Muniandy, ADUN Bagan Dalam; Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seberang Perai; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP dan para hadirin sekalian kerana sudi hadir di program pada pagi ini.

3. Projek Komuniti Bagi Cadangan Naik Taraf Gelanggang Serba Guna (*Hardcourt*) Lebuh Kampung Benggali, Butterworth bakal dibina dengan kos keseluruhan berjumlah RM300,000.00 yang akan dibiayai sepenuhnya oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai. Kerja-kerja naik taraf dijangka bermula pada September-Oktober 2023. Gelanggang yang berkeluasan 1,465 meter persegi akan dinaik taraf dengan komponen-komponen seperti berikut, iaitu:-
- a. Sebuah gelanggang pelbagai guna.
 - b. Sebahagian gelanggang dijadikan Tempat Letak Kereta (TLK) dengan anggaran 21 petak keseluruhan [19 TLK untuk orang awam dan dua (2) lot Tempat Letak Kereta untuk Orang Kurang Upaya (OKU)].
 - c. Elemen *softscape* iaitu tanaman pokok dan renek hijau di sekitar gelanggang pelbagai guna.
4. Sesi libat urus bersama komuniti telah diadakan oleh pihak MBSP pada 28 Mac 2021 yang melibatkan 325 orang daripada komuniti sekitar. Analisa sesi tersebut menunjukkan 81% bersetuju bagi cadangan menggariskan tempat letak kereta di sebahagian *Hardcourt* Lebuh Kampung Benggali, Butterworth dan sebahagian kekal sebagai kegunaan asal. Cadangan pelaksanaan adalah dengan peruntukkan Tahun 2023.

5. Program kedua yang diadakan pada pagi ini adalah Sidang Akhbar Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 untuk memaklumkan kepada orang ramai berkenaan status Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 (DRTSP 2030).

6. DRTSP 2030 merupakan satu peta dan pernyataan bertulis yang memperincikan segala cadangan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan untuk pemajuan dan penggunaan tanah dengan menterjemahkan dan memperincikan dasar-dasar strategik Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 berdasarkan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

7. DRTSP 2030 menggabungkan tiga Draf Rancangan Tempatan Daerah iaitu Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan yang telah disediakan sebelum ini.

8. Program Publisiti dan Penyertaan Awam diadakan di lima (5) lokasi iaitu di Ruang Legar MBSP, Pejabat Tanah dan Daerah SPU, SPT dan SPS, dan di pejabat PlanMalaysia@Pulau Pinang.

9. MBSP telah menerima 5,149 maklumbalas daripada pelbagai agensi dan orang awam. Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (JKSTP) akan mempertimbang semua maklumbalas tersebut dan satu laporan akan disediakan,

10. Laporan JKSTP DRTSP 2030 akan dibentangkan di peringkat jawatankuasa MBSP untuk diperakukan dan disahkan oleh Majlis Penuh. Laporan ini kemudiannya akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri untuk diperakukan sebelum dibentangkan kepada JPN untuk kelulusan.

11. Laporan JTSP yang telah diluluskan oleh JPN akan dirujuk untuk dibuat pindaan kepada Laporan DRTSP 2030 dan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk pewartaan.

12. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat dalam **Program Naik Taraf Gelanggang Serba Guna (*Hardcourt*) Lebuh Kampung Benggali, Butterworth dan Penyediaan dan Penyelarasan Draf Rancangan Tempatan (DRT) Seberang Perai 2030**. Harapan saya adalah untuk kita, bersama-sama berusaha dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab kita dengan penuh

amanah, betul dan cepat (ABC). Diharapkan dengan ini, kita semua bersemangat untuk terus memberikan khidmat bakti yang cemerlang.

13. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan saya kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo, Yang Berhormat Tuan Satees a/l Muniandy serta semua yang hadir pada hari ini ke **Majlis Pengumuman Naik Taraf Gelanggang Serba Guna (Hardcourt) Lebuh Kampung Benggali, Butterworth dan Sidang Akhbar Draf Rancangan Tempatan (DRT) Seberang Perai 2030.**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.